

11 NOV 2003

Parlimen-Rangkuman

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT KALI INI CIPTA SEJARAH ISTIMEWA

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Setelah berlangsung 42 hari sejak 2 Sept lepas, persidangan Dewan Rakyat ditangguhkan hari ini dengan catatan sejarah istimewa yang membabitkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Semasa sesi kali inilah, buat kali terakhirnya sebelum persaraannya, Dr Mahathir selaku Menteri Kewangan telah membentangkan Bajet 2004 pada 12 Sept lepas.

Ramai menyifatkan bajet itu sebagai yang terbaik pernah dibentangkan hingga mendorong pembangkang melihatnya sebagai bajet pilihan raya.

Pembentangan itu juga mencipta rekod tersendiri kerana Dr Mahathir mengambil masa kira-kira tiga jam untuk menghabiskan ucapannya.

Persidangan kali ini juga menyaksikan Dr Mahathir membentangkan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan pada 30 Okt, hanya sehari sebelum bersara.

Pada hari yang sama, Dr Mahathir turut menjawab beberapa soalan daripada Anggota Parlimen, dalam suasana serius tetapi riang dan banyak disulami jenaka beliau.

Pada 3 Nov pula, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang baru tiga hari mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima bagi menggantikan Dr Mahathir, membentangkan usul terima kasih kepada Dr Mahathir yang telah menerajui negara selama 22 tahun.

Abdullah di dalam ucapannya itu menyanjung tinggi kewibawaan Dr Mahathir yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi, tegas, cekap, berkesan, cemerlang dan bijaksana.

Selepas itu, Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Datuk Mohd Zin Mohamad membentangkan pula usul menyokong pelantikan Abdullah sebagai Perdana Menteri.

Beliau melahirkan keyakinan bahawa Malaysia akan terus maju dan sejahtera di bawah kepimpinan Abdullah, berasaskan latar belakang beliau daripada keluarga ulama dan ahli politik berpengaruh di Pulau Pinang.

Pelantikan Abdullah turut mendapat sokongan anggota pembangkang.

Pada sebelah petang pula, Abdullah mengadakan majlis berbuka puasa untuk semua anggota dan petugas Parlimen dan telah mengimamkan solat maghrib, Isyak dan Tarawih.

Semasa berucap di majlis itu, beliau menyeru semua anggota Parlimen termasuk pembangkang agar bekerjasama tanpa mengira fahaman politik masing-masing, demi kebaikan negara, bangsa dan agama.

Beberapa isu menarik dan hangat muncul semasa persidangan kali ini, antaranya apabila Dewan diberitahu bahawa 14 Anggota Parlimen telah membuat tuntutan perjalanan melebihi RM10,000.

Mohd Apandi Mohamad (PAS-Jeli) mendahului senarai apabila membuat tuntutan lebih RM16,000. Isu itu timbul apabila Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar menjawab soalan Datuk Othman Abdul (BN-Pendang) yang ingin tahu jumlah anggota Dewan yang membuat tuntutan melebihi RM10,000.

Pendedahan itu diberi liputan meluas oleh media massa sehingga mendapat reaksi Badan Pencegah Rasuah untuk membuat siasatan.

-- BERNAMA

SNS HM MAI